

Universiti Pertahanan untuk semua - Najib

Oleh NAZRULLAH ROSLI

PEKAN 2 Sept. - Universiti Pertahanan Nasional yang diumumkan penubuhannya dalam Bajet 2007 semalam, terbuka kepada semua pihak, kata Datuk Seri Najib Tun Razak.

Bagaimanapun, menurut Timbalan Perdana Menteri, ia lebih menjurus kepada mereka yang berminat untuk mengikuti kursus ketenteraan dan menjadi pegawai tentera.

Najib yang juga Menteri Pertahanan berkata, kerajaan mahu lebih ramai kaum lain menyertai Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dan semua pegawai tentera mempunyai ijazah.

Bercakap kepada pemberita selepas merasmikan persidangan perwakilan UMNO Bahagian Pekan, di sini hari ini, beliau berkata, penubuhan universiti itu menunjukkan keprihatinan kerajaan mengangkat martabat warga tentera di negara ini setanding dengan negara maju lain.

"Jika negara lain mempunyai universiti khas untuk anggota tenteranya, kerajaan juga mahu melaksanakan perkara yang sama sejajar dengan tuntutan kepesatan teknologi dan aspek pertahanan yang kian mencabar masa ini," ujarnya.

Sambil mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Pusat, Najib berkata, penubuhan universiti itu sesuatu yang dinanti-nantikan oleh kementerian berkenaan sejak sekian lama.

"Saya akan buat pengumuman penuh (mengenai universiti itu) dalam masa terdekat ini.

"Ini merupakan sesuatu yang diperjuangkan oleh Kementerian Pertahanan sejak lama lagi bagi mewujudkan universiti berkenaan dan mengikut perancangan, kita akan menaik taraf Akademi Tentera Malaysia (Atma) kepada Universiti Pertahanan Nasional," katanya.

Semalam, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi ketika membentangkan Bajet 2007 di Parlimen mengumumkan penubuhan universiti tersebut yang bernilai RM500 juta.

Menurut Najib, penubuhan universiti itu



NAJIB Tun Razak menyatakan sesuatu kepada Ishak Muhamad (dua kanan) Ahmad Rahimi Abd Samad (kanan) dan Abd Manaf Sulung (dua kiri) ketika meninjau keadaan bas BN Pekan selepas merasmikan Mesyuarat Perwakilan UMNO Bahagian Pekan 2006 di Dewan Konvensyen Sultan Haji Ahmad Shah, Pekan, semalam.

juga adalah kerana negara memerlukan barisan pegawai tentera berkelulusan tinggi dan berwibawa, bertepatan dengan keadaan persekitaran dan aspek pertahanan dunia pada masa ini.

Ditanya bidang yang bakal diperkenalkan di universiti itu kelak, beliau memberitahu, universiti itu seperti juga universiti lain di negara ini mempunyai kemampuan dalam bidang-bidang tertentu tetapi pengkhusu-

sannya akan ditambah dengan pengajian yang sesuai dengan ketenteraan dan pertahanan.

"Kita akan tekankan pengajian seperti bidang-bidang berkaitan ketenteraan, contohnya bidang kajian strategi yang akan dimasukkan ke dalam kurikulum universiti tersebut," katanya.

Mengenai pemilihan tapak universiti itu, beliau berkata, kementerian belum memu-

tuskan lokasinya.

Menurut Najib, universiti itu akan menggunakan kepakaran tempatan bersama kepakaran ATM, di samping menjalinkan kerjasama dengan universiti pertahanan luar negara.

Berhubung isu penghantaran tentera Malaysia ke Lebanon, Timbalan Perdana Menteri berkata, kerajaan masih menunggu jawapan Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), Kofi Annan.